

NO. SOALAN: 73

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD  
[ SHAH ALAM ]**

**TARIKH : 16 JUN 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ] minta PERDANA MENTERI menyatakan pendirian terhadap cadangan oleh pihak CUEPACS untuk menaikkan gaji penjawat awam Gred 11 kepada aras atas garis kemiskinan.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa menjalankan kajian dan semakan terhadap gaji penjawat awam secara keseluruhannya yang turut meliputi gaji penjawat awam di peringkat terendah (Gred 11). Namun begitu, pelaksanaan hasil kajian adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Pada masa ini, jumlah pendapatan minimum bagi gred terendah dalam Perkhidmatan Awam iaitu pegawai di Gred 11 dengan kelayakan masuk PMR adalah sebanyak **RM1,257.00**. Pendapatan ini meliputi:

- (a) Gaji Pokok sebanyak RM832; dan
- (b) Elaun-elaun lain iaitu Imbuhan Tetap Perumahan, Imbuhan Tetap Khidmat Awam dan Bantuan Sara Hidup sebanyak RM425.

Jumlah pendapatan minimum ini adalah **lebih tinggi** berbanding purata pendapatan garis kemiskinan tahun 2012.

Sekian. Terima kasih.